

19 SEP 1999

Ling-DAP

AWASI TAKTIK BAHAYA DAP NAFIKAN KEMENANGAN DUA PERTIGA BN

BUKIT MERTAJAM, 19 Sept (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mengingatkan masyarakat Cina di negara ini tentang taktik bahaya DAP untuk menafikan kemenangan dua pertiga Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang.

Beliau berkata DAP kini mengadakan komplot untuk mempengaruhi rakyat supaya tidak memberikan kemenangan dua pertiga kepada BN agar ia gagal membentuk kerajaan.

Katanya parti itu menyedari bahawa BN akan memenangi pilihan raya akan datang dan apa yang boleh dilakukannya ialah untuk mempengaruhi rakyat agar tidak memberikan kemenangan mutlak kepada BN.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menghadiri sambutan ulang tahun ke-50 MCA di Kampung Baru Berapit, di sini malam ini, beliau menegaskan 99 peratus masyarakat Cina di negara ini menyokong kerajaan dan mahu supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus menerajui kepimpinan negara.

Sehubungan itu, beliau meminta masyarakat Cina agar tidak terpengaruh dengan cubaan DAP itu dan memilih kerajaan yang mampu membawa kemajuan dan kemakmuran ekonomi di negara ini.

Anggota Parlimen Bukit Mertajam, Dr Tan Chong Keng, dan pemimpin-pemimpin MCA negeri menyertai lebih 500 anggota parti pada majlis itu.

ZU FAZ